



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) antara sumbangan terbesar perjuangan PKPIM.

PKPIM dan Tajdid Pendidikan

Muhamad Razak Idris

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang ditubuhkan pada tahun 1961 merupakan sebuah gerakan tajdid pada peringkat awal perkembangan Malaysia moden yang bermatlamat untuk menjayakan pembaharuan masyarakat dan mengisi pembangunan negara. Pada sekitar tahun 1970-an, PKPIM telah memberikan tumpuan terhadap gerakan tajdid pendidikan dalam kalangan masyarakat dan negara.



Menurut PKPIM, pembangunan semula negara setelah sekian lama terjajah hendaklah disandarkan pada dasar ilmu pengetahuan. Masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda berbangsa Melayu dan beragama Islam mesti ditingkatkan keupayaan pengetahuan dan daya akhlah mereka demi mewarisi kepemimpinan negara yang maju dan seimbang pada masa depan. Bagi menjayakan keyakinan terhadap kepentingan tajdid pendidikan, PKPIM memberikan tumpuan kepada dua aspek pembaharuan, iaitu tajdid kesedaran jiwa bagi membina umat berilmu dan tajdid pembangunan institusi ilmiah tinggi untuk melatih barisan pemimpin negara yang berwibawa dan berdaya saing.

PKPIM menjayakan tajdid kesedaran jiwa umat dengan memperkenalkan inisiatif yang dinamakan Gerakan Kempen Kesedaran (GKK). Menurut Mohd Hilmi dan Yusni (2009) dalam *PKPIM 5 Dasawarsa*, GKK ialah sebuah kegiatan perdana yang menggerakkan seluruh ahli PKPIM pada segenap peringkat untuk turun ke lapangan bagi memberikan kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan dan kemajuan negara. Kebanyakan pelajar yang menganggotai PKPIM di kampus pendidikan tinggi menjadikan GKK sebagai wadah bagi menyemarakkan kempen kesedaran dalam kalangan warga setempat terutama masyarakat desa dan kawasan pedalaman.

Melalui moto Hidup Biar Berjasa, program GKK berusaha menimbulkan rasa pertanggungjawaban dalam kalangan pelajar. Peranan mereka sebagai golongan intelektual sangat berat terutama pada era pascakemerdekaan. Di samping mempersiapkan diri untuk menceburi sektor pekerjaan, para pelajar hendaklah menjadi suara masyarakat bagi mengangkat kepentingan mereka agar mendapat perhatian kepimpinan negara. Para pelajar juga diasuh dengan idealisme perjuangan untuk mengangkat martabat umat pada segenap lapisan sosial agar setanding dengan bangsa lain dalam segenap aspek kehidupan. Menerusi gerakan turun ke lapangan yang bertujuan untuk memberikan kesedaran pengetahuan dan perubahan diri kepada golongan sasar, program GKK turut melatih para pelajar menjadi golongan yang bercita-cita mencurahkan jasa kepada umat dan negara, serta tidak mementingkan diri apabila berjaya dalam sektor pekerjaan setelah menamatkan pengajian kelak.

Program GKK yang pertama diadakan di daerah Sungai Lembing, Beserah dan Chenor di Pahang selama dua minggu pada 1969. Selepas itu, program ini dikembangkan ke Kampung Air Hitam, Kajang, Kampung Lada, Rembau dan Chenor selama dua bulan. Program GKK seterusnya diperluas ke seluruh


negara secara berkala terutama ketika tempoh cuti pengajian. Program ini kemudian menjadi satu program tradisi PKPIM hingga hari ini.

Antara kegiatan utama sepanjang GKK termasuklah ceramah kesedaran, khidmat gotong-royong dan interaksi bersama-sama pemuda dan barisan kepimpinan desa. Para pelajar berpeluang mendekati golongan masyarakat di lapangan secara langsung dan mendalami permasalahan dan cabaran kehidupan yang dihadapi oleh masyarakat berkenaan. Menerusi GKK, idealisme perjuangan mengangkat martabat umat direalisasikan secara praktikal dalam kalangan masyarakat. Keberkesanan program ini mendapat perhatian banyak pihak. Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengangkat GKK sebagai kegiatan tetap bersempena Hari Belia Negara. Malah, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar antara penaja utama bagi menjayakan program ini.

Menurut N.J Funston (1985) dalam tulisannya *The Politics of Islamic Reassertion: Malaysia*, kempen gerakan kesedaran ini antara penyumbang faktor perubahan sosial yang bermakna di Malaysia pada peringkat awal perkembangannya. Menurut beliau, interaksi langsung golongan intelektual muda dengan masyarakat desa di pedalaman telah membuka mata umum terhadap kerumitan hidup dan cabaran keterpinggiran masyarakat yang bergelut dengan pelbagai isu terutama kemiskinan dan kejahilan ilmu pengetahuan. Para pelajar yang menyertai GKK telah menjadi jurucakap bagi membuka mata dan minda masyarakat dalam isu sosial awam dengan pihak pemerintah. Antara mesej yang dibawa termasuklah menyeru supaya dasar dan program yang lebih berkesan diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang terpinggir.

Program GKK ialah satu bentuk model tajdid pendidikan yang diperkenalkan oleh PKPIM bagi merealisasikan cita-cita pembangunan ummah. Orientasinya bersifat umum yang menyasarkan masyarakat dari segenap lapisan. Pendekatan tajdid ini penting kerana cita-cita pembangunan ummah yang diaspirasikan tentu tidak akan tercapai tanpa penglibatan masyarakat awam sebagai pendukung dan kumpulan teras ummah Malaysia.

Model kedua tajdid pendidikan oleh PKPIM ialah menerusi pembangunan sistem dan institusi pendidikan negara. Dalam erti kata lain, pendidikan sebagai wahana kebangkitan dan pembangunan ummah akan dapat berfungsi secara sempurna dan lengkap sekiranya sistem dan institusi pendidikan utama negara dapat dibangunkan dan ditadbir secara berkesan dan profesional. Tambahan pula, keperluan



Perjumpaan antara ahli jawatankuasa PKPIM.



Anwar Ibrahim antara pemimpin PKPIM yang penting semasa dekad 1970-an.

memperjuangkan penubuhan institusi pendidikan relevan dalam konteks negara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan.

Sebagai sebuah gerakan tajdid berorientasikan pendidikan dan nilai-nilai keagamaan, kepemimpinan PKPIM mendapati perjuangan memperkasakan pendidikan Islam di Malaysia hendaklah diberikan keutamaan. Bagi PKPIM, pendidikan Islam merupakan satu komponen penting bagi sistem pendidikan negara yang menyeluruh. Menerusi pendidikan Islam yang sempurna, akhirnya akan menjadi satu wahana penerapan nilai untuk melahirkan generasi yang mampan dan bersepadu.

Bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan agenda pemerkasaan pendidikan Islam, PKPIM menganjurkan siri seminar bertemakan pendidikan Islam pada peringkat kebangsaan. Pada tahun 1980-an, PKPIM dikenali sebagai gerakan yang memelopori kesedaran ini. Beberapa tokoh dan sarjana Muslim dijemput menyampaikan buah fikiran bagi merealisasikan aspirasi tersebut.

PKPIM juga telah menerbitkan buku bertajuk *Isu Pendidikan Islam* (1988) yang disunting oleh Zamanhuri Haji Shamsuddin. Buku tersebut menghimpunkan beberapa idea terbaik ke arah mengukuhkan pendidikan Islam di Malaysia. Kandungan buku ini jelas memperlihatkan keluasan skop wacana pendidikan Islam yang menjadi kerangka perjuangan PKPIM.

Pendidikan Islam merupakan sebuah sistem yang dapat menjana, membangun dan menerapkan

asas dan sistem nilai dalam usaha membangunkan individu dan masyarakat, serta ketatanegaraan. Menurut PKPIM, pendidikan Islam hendaklah dibangunkan berasaskan kefahaman Islam yang sebenar dan dihayati dalam bentuk sistem nilai yang menyeluruh mencakupi segenap aspek kehidupan sosial, politik dan ekonomi. Konsep pendidikan Islam tidak hanya terhad kepada pendidikan fardu ain sahaja, tetapi mencakupi aspek fardu kifayah.

Oleh itu, pemerkasaan pendidikan Islam hendaklah meliputi usaha penerapan sistem nilai dan akhlak dalam aspek sejarah, psikologi, sains dan tatacara pemerintahan yang luas. Dalam erti kata lain, generasi pemimpin negara sama ada ahli politik, birokrat, teknokrat dan perundangan mesti memiliki asas ilmu Islam yang lengkap di samping keterampilan profesional yang cemerlang. Aspirasi kesepaduan ilmu berpandukan kerangka pendidikan Islam ini sangat penting supaya jati diri bangsa dan negara dibangunkan secara seimbang dan tersendiri, serta tidak meniru corak pembangunan negara yang diwarisi daripada sistem pendidikan Barat yang berbentuk bebas nilai secara sepenuhnya.

Demi mengangkat kedudukan pendidikan Islam di Malaysia, PKPIM telah menggerakkan perjuangan penubuhan sebuah universiti Islam di tanah air. Agenda ini merupakan sebahagian daripada bentuk tajdid pendidikan dari segi pengukuhan institusi pendidikan negara. Keutuhan dan kelestarian aspirasi pendidikan Islam di Malaysia tidak akan tercapai tanpa kewujudan sebuah institusi tertinggi pada peringkat universiti.



“Tajdir pendidikan yang digerakkan oleh PKPIM sama ada dari aspek kesedaran awam dan pembangunan institusi telah memberikan kesan yang besar terhadap agenda pembangunan pendidikan negara.”

Bagi merealisasikan tujuan tersebut, pada 23 September 1970, Anwar Ibrahim selaku Presiden PKPIM telah menulis surat kepada Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, meminta pihak kerajaan memberikan pertimbangan bagi menubuhkan sebuah universiti Islam di Malaysia. Pengutusan surat tersebut sebagai jejak awal PKPIM dalam usaha memperjuangkan universiti Islam.

Langkah selanjutnya bagi mempertegas kepentingan penubuhan universiti Islam, PKPIM telah menganjurkan Kongres Universiti Islam pada 3-7 Ogos 1971. Kongres tersebut berjaya mengukuhkan kefahaman masyarakat terhadap gagasan dan falsafah universiti Islam sejajar dengan konsep pendidikan Islam yang sepadu dan menyeluruh. Kongres juga telah menganjurkan syor lanjutan ke arah merealisasikan penubuhan Universiti Islam. Antaranya termasuklah gesaan perlantikan jawatankuasa khas penubuhan yang akan menentukan aspek dasar, rancangan latihan, rangka akademik dan jaringan kerja universiti.

Pada dasarnya, syor yang dikemukakan telah disambut baik oleh kerajaan. Dato' Abdul Rahman Yaakub, Menteri Pelajaran pada waktu itu, telah mengumumkan kesediaan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti Islam selewat-lewatnya pada tahun 1975. Namun begitu, disebabkan pelbagai faktor dalaman dan luaran, penubuhan

universiti Islam hanya berjaya direalisasikan pada 20 Mei 1983 yang dinamakan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

PKPIM menyambut baik dan berbangga dengan penubuhan UIAM yang menjadi mercu sistem pendidikan Islam di Malaysia. Kini, UIAM telah berusia 37 tahun. Sebelum berpindah ke kampus induk tetap yang terletak di Gombak, Selangor, UIAM menjalankan kegiatan akademik di Petaling Jaya Selangor. Pusat Pengajian ini telah berkembang pesat dengan penubuhan kampus jaringan di Kuala Lumpur, Kuantan dan Gambang, Pahang.

Kampus UIAM di Gombak menempatkan pusat pentadbiran utama universiti dan juga fakulti seperti Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Ekonomi dan Sains Pengurusan, Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kejuruteraan, Pendidikan dan Pengurusan Bahasa.

Kampus UIAM di Kuantan pula menempatkan Fakulti Sains, Sains Perubatan, Farmasi, Sains Kesihatan Bersekutu, Kejururawatan dan Pergigian. Kampus di Kuala Lumpur pula menempatkan pusat kecemerlangan dalam bidang pemikiran dan tamadun Islam yang dikenali sebagai Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu (ISTAC). UIAM kini mempunyai seramai lebih 30 649 pelajar daripada 117 buah negara dan telah melahirkan seramai lebih 85 854 pelajar pada peringkat siswazah dan pascasiswazah. Seramai 73 677 pelajar terdiri daripada warganegara Malaysia dan selebihnya merupakan pelajar antarabangsa.

Tajdir pendidikan yang digerakkan oleh PKPIM sama ada dari aspek kesedaran awam dan pembangunan institusi telah memberikan kesan yang besar terhadap agenda pembangunan pendidikan negara terutama dari segi pemeraksanaan bidang pendidikan Islam. Kesedaran umat Melayu Islam terhadap kepentingan ilmu pengetahuan bertambah tinggi. Sistem dan institusi pendidikan bercorak keislaman juga pesat berkembang dengan pengenalan kurikulum bersepadu pada peringkat sekolah kebangsaan, serta penubuhan institusi pendidikan swasta pada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Bagi PKPIM, kecemerlangan pendidikan sesungguhnya wahana utama yang mesti terus diberikan keutamaan oleh masyarakat dan kepimpinan negara demi menjayakan kegemilangan tamadun ummah pada hari ini. DTI